

03/11/1998

Penjelajahan pertahan keamanan

SAMARAHAN, Isnin - Penjelajahan bagi menggerakkan rakyat mengambil langkah mempertahankan keamanan dan kemerdekaan negara dengan memberi sokongan padu kepada kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, diteruskan membabitkan pusingan kedua, tidak lama lagi.

Penjelajahan pusingan pertama menerusi Wacana Cinta Negara ke seluruh negara berakhir di sini, hari ini, dan penduduk setempat diberikan penjelasan berhubung perkara itu oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa.

Beliau berkata, agenda wacana itu masih belum berakhir memandangkan masih ramai rakyat khususnya di luar bandar belum mendapat penjelasan dan gambaran tepat isu semasa negara.

"Kita dapati masih ramai rakyat yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenainya. Sehubungan itu, Wacana Cinta Negara akan diteruskan dengan pusingan kedua yang akan dimulakan tidak lama lagi.

"Saya akan berehat untuk tempoh beberapa hari ini dan kemudian akan kembali meneruskan wacana itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program itu di Dewan Suarah, di sini.

Beliau berkata, pada masa sama, usaha sedang dilakukan bagi mengumpul tandatangan penduduk, khususnya yang tinggal di luar bandar untuk menyatakan sendiri sokongan kepada kerajaan dan Perdana Menteri.

"Tandatangan penduduk, sama ada menerusi kad khas yang disediakan atau menggunakan bahan lain, akan dikumpul kemudian diserahkan kepada Perdana Menteri sempena ulang tahun kelahirannya pada 20 Disember ini," katanya.

Beliau berkata, langkah ini perlu bagi menangkis perlakuan yang bercanggah dengan sikap cintakan negara, sekali gus memperjelaskan kepada masyarakat antarabangsa bahawa penduduk negara ini sememangnya cintakan negara dan pemimpinnya.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis itu yang turut dihadiri Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang dan beberapa menteri serta menteri muda Kabinet negeri, Annuar menegaskan sememangnya ramai mendakwa mereka cintakan negara namun dalam keadaan tertentu perbuatan mereka tidak melambangkan semangat berkenaan.

Beliau berkata, adalah menjadi sifat manusia mudah melupakan nikmat yang diperolehi, termasuk keamanan dan kemerdekaan negara, yang mana jika tidak dibincang dan diingatkan boleh mendorong ke arah perlakuan yang mampu merosakkannya.

(END)